

IKHTIAR- IKHTIAR BAGI MEMBOLEHKAN KEHIDUPAN BANGSA KITA MELAYU

“Adalah bumi Tanah Melayu ini sebuah negeri-negeri yang kali sekali di dalam dunia ini. Olehe sebab kebodohan dan kelalaian kita orang-orang Melayu amnya, maka segala kekayaan yang terbit daripada bumi kita ini hanya menkayakan segala bangsa lain yang ada di dalam negeri kita ini. Kesudahnya sekarang orang-orang yang kali sekali, yang dipengaruhi dan terlebih berkuasa di dalam negeri kita ini ialah daripada bangsa-bangsa yang bukan Melayu, dan bangsa Melayu tuan hak yang berhak yang mempunyai negeri ini jadi bangsa yang miskin dan papa lagi daif seolah-olah orang yang sakit teruk.” Demikian kata Yang Berbahagia Datuk Megat Uthman dalam rencananya yang berharga ini.

(Oleh Datuk Megat ‘Uthman Perak)

Orang-orang kita Melayu telah beragamaan Islam kira-kira enam kurun lamanya. Tetapi hancur luluh kita memikirkan bahawa umat Melayu kita masih tertinggal jadi suatu bangsa yang terlihat daif sekali di antara bangsa-bangsa yang ada menduduki Semenanjung Tanah Melayu ini umat Melayulah yang paling mundur sekali baik pada pihak ilmu pengetahuannya, begitu juga pada pihak duit ringgit, harta benda, kekayaan, dan begitu juga pada pihak pekerjaan perusahaan dan di dalam hal siyasa negeri. Sungguhpun demikian, orang-orang Melayu kita percaya dan mengaku dengan sesungguhnya bahawa agama yang dipegang oleh mereka itu ialah agama yang sebenar-benarnya menunjukkan kepada jalan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Mengapakah gerangan kejadian yang demikian itu? tidak lain jawabnya melainkan ialah kerana orang-orang kita Melayu telah berpuasa hati dengan kepercayaan bahawa agama Islam yang mereka pegang itu boleh membawa mereka ke dalam syurga di akhirat kelak. Jadi sebab kuat kepercayaan mereka yang demikian itu sehingga terlupalah mereka itu akan ajaran agama Islam yang

menyuruh mereka bekerja kuat, dan menuntut segala apa juga yang baik untuk kebahagiaan hidup di atas dunia ini, sehingga tertindurlah mereka itu hingga beratus-ratus tahun dengan berharapkan syurga di akhirat semata-mata. Jika sekiranya diri dahulu orang-orang Melayu kita telah mempelajari akan pengajaran agama Islam yang bersih bukan sahaja pada pihak amalan untuk akhirat. Tetapi juga amalan untuk kebajikan di dunia dan difaham betul akan kehendak dan tujuan pengajaran Islam pada asas-asasnya, dan pula mengerjakan dengan ikhlas ada yang disuruh, nescaya tidaklah syak lagi yang orang-orang Melayu kita tentu telah menjadi suatu bangsa yang teramat pandai dan teramat maju pada masa ini dan harus boleh menjadi suatu bangsa yang terkaya di semenanjung ini dan tidaklah menjadi mundur, miskin dan daif pada serba-serbinya di tanah airnya sendiri seperti yang kita dapat pada hari ini.

Maka tidaklah sekali-kali boleh disalahkan agama Islam kerana kedaifan kita yang tersebut itu, kesalahan terletak di atas

nenek moyang kita yang dahulu-dahulu dan juga di atas guru-guru agama kita yang telah lalu kerana mereka mempercayai dan mengajar segala anak-anak bangsa kita yang dahulu mengatakan agama Islam menyuruh kita beramal untuk akhirat semata-mata dan tidak disuruh menutut segala pelajaran dan pengetahuan yang berguna untuk kehidupan di dunia ini, kerana dunia ini bagi orang-orang kafir kononnya.

Tetapi tidaklah ada apa-apa gunanya kita berteriak tangis di atas perkara yang telah lalu, yang dihadapi kita sekarang yang mustahak dan patut diselesaikan dengan seberapa segeranya ialah bagaimana ialah hendak mengubat segala penyakit yang telah menghingapi orang-orang Melayu “pendeknya bagaimana hendak membetulkan segala kesilapan orang-orang Melayu itu”.

inilah soal yang tersangat penting dan sukar hendak menjawabnya.

Dengan sebab itu marilah kita sama-sama mendengar firman

Tuhan di dalam kitab suci al-Quran al-‘Azīm

mudah-mudahan kita dapat hidayah daripadanya. Firman Tuhan

yang bermaksud : bahawa “Sesungguhnya dengan bersusah payahlah datang kesenangan, dan sesungguhnya dengan bersusah payahlah datang kesenangan.” Mengikut Tafsir al-‘Alim al-‘Alamah ‘Abdullāh Yūsuf

‘Alī, tiap kesusahan atau azab sengsara yang dirasai oleh

manusia, Tuhan sentiasa mengadakan jalan bagi kesenangan,

jalan yang melepaskan kita daripada azab itu, jalan yang

membawa kita kesenangan dan kebahagiaan lamun diikuti jalan

yang ditunjuk oleh Tuhan serta kita tunjukkan keyakinan

kita dengan sabar dan berbuat baik. Kesenangan atau

kebahagiaan itu bukannya datang kemudian daripada kesusahan itu.

Firman Tuhan yang tersebut memberi harapan yang besar kepada

kita yang demikian terlebih afdallah bagi kita mengikut jalan

yang ditunjuk oleh Tuhan Yang Maha Mengetahui seperti yang

dicontohkan oleh Rasul-Nya. Saya yakin dengan sebenar-benarnya.

akan sifat Tuhan yang Maha Murah dan Maha Mengasihani yang

sehabis-habis luas. Tidaklah syak lagi bahawa kita

boleh mengetahui punca kekhilafan kita yang sebenarnya yang menyebabkan kemunduran kita sekarang ini, nescaya dapatlah kita mencari ikhtiar membetulkan dia dan menghapuskan kedhaifan kita dan mencari jalan kepada kesenangan dan kebahagiaan dengan mengikut ajaran al-Quran yang penuh dengan hikmah kebijaksanaan seperti yang diakui oleh Tuhan Rabb al-‘Alamīn itu.

Pada fikiran saya bahawa sebesar-besar sebab yang menggalakkan orang-orang Melayu daripada kemajuan ialah kejahilan-jahil pada segenap perkara – jahil pada asas-asas pengajaran Islam yang suci- jahil pada ilmu ikhtisad- jahil pada pengetahuan berjual beli, berniaga dan pada jalan perusahaan- dan jahil pada pada berbagai-bagai perkara lain, oleh yang demikian wajiblah kita menghapuskan kejahilan kita itu dan kikis serta buang sifat itu sama sekali dan kita gantikan di tempatnya itu dengan ilmu pengetahuan dan pelajaran. Sama ada pelajaran dalam ilmu sains dan pertukangan (teknik) dengan cawangan-cawangan yang berguna- di sini boleh saya sebutkan sedikit ayat-ayat Quran sekadar menunjukkan contoh yang Quran itu penuh dengan pengajaran-pengajaran yang berguna kepada manusia.

1. *Iqrā’ bismi rabbikalladhī khalaq – khalaqal insāna min ‘alaq – iqra’ warabbukal akram alladhī ‘allama bil qalam – ‘alamal insāna mā lam ya ‘lam.*

Ertinya: “Masyhurkan atau baca olehmu dengan nama Allah Tuhan yang menjadikan, Ia menjadikan manusia daripada setitik darah yang beku. Masyhurkan (atau baca olehmu) dan Tuhanmu atau Maha Kaya, Ia mengajarkan (manusia) gunakan qalam. Ia mengajar manusia barang yang tiada diketahui.”

2. *Yarfa ‘ullāh alladhīna amanū minkum walladhīna ūtul ‘ilm darajāt.* Maksudnya: “Tuhan akan menangkatkan orang-orang yang beriman dari antara kamu dan orang-orang yang diberi pengetahuan kepada darjat-darjat yang tinggi.”

(sambungan pada muka 30)